

**UCAPAN OLEH  
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA  
DI MAJLIS MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2017  
PADA 21 APRIL 2017 (JUMAAT), PUKUL 8.30 MALAM.  
DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR**

---

**YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak,**

Penaung Malam Wartawan Malaysia 2017 dan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**YBhg Datuk Dr. Chamil Wariya**

Pengerusi Malam Wartawan Malaysia 2017 dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI)

**YBhg Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin,**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS

**YBhg Datuk Yong Soo Heong,**

Ketua Panel Hakim Hadiah Kewartawanan Malaysia 2016

Tokoh-Tokoh Wartawan Negara

Ketua-ketua Pengarang, Pengarang-pengarang kanan

Para wartawan yang diraikan dan hadirin sekalian,

1. Pertama-tama saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua dapat kita semua berada di dewan yang indah ini bagi menjayakan Malam Wartawan Malaysia 2017.

2. Ini adalah kali ketiga saya menghadiri majlis tahunan anjuran Malaysian Press Institute (MPI) selaku Perdana Menteri untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI PETRONAS. Kali pertama adalah pada 2009 dan kali kedua kira-kira lima tahun lalu iaitu pada 2012.

3. Tahniah kepada MPI kerana secara berterusan selama 36 tahun telah menganjurkan program ini yang pertama kali diadakan pada 16 September 1981. Kerajaan akan sentiasa mendokong usaha ini, dan terima kasih kepada PETRONAS yang menaja Hadiah Kewartawanan Malaysia sejak 1994, bermula dengan tajaan sebanyak RM70,000 setahun, kemudian dinaikkan kepada RM150,000 dan hari ini nilai tajaannya ialah RM300,000. Kalau harga minyak mentah di pasaran dunia kembali pulih, PETRONAS mungkin boleh menimbang untuk menambah jumlah tajaannya itu, Insya-Allah.

4. Majlis ini diadakan untuk mengiktiraf para wartawan, baik pengamal media konvensional dan media baharu, yang telah menghasilkan karya-karya kewartawanan yang cemerlang sepanjang 2016. Saya difahamkan adanya 20 kategori bagi Hadiah Kewartawanan Malaysia yang mencerminkan kegiatan-kegiatan utama kewartawanan konvensional dan baharu yang diberikan sejak tahun lalu dan diteruskan tahun ini. Saya percaya inilah salah satu cara berkesan dan bermakna untuk menghargai mereka yang senantiasa berusaha untuk menghasilkan mutu kerja terbaik.

Hadirin sekalian,

5. Benar, landskap media dan kewartawanan yang dipacu oleh revolusi teknologi komunikasi maklumat (ICT) telah jauh berubah hari ini berbanding dengan hampir tiga dekad lalu sebelum Internet mendominasi kehidupan kita. Kehadiran revolusi digital telah membawa *new normal* dalam dunia media dan kewartawanan dalam erti kata bukan sahaja berlaku penghijrahan pengguna dari alam nyata ke dalam maya, tetapi cara maklumat disebarkan dan digunakan. Berita hari ini tidak lagi dibaca esok, atau didengar/ditonton pada sebelah malamnya. Ia dilaporkan pada waktu sebenar (*real-time*) iaitu pada saat atau kejadian itu berlaku. Saya difahamkan perjalanan majlis malam ini juga disiarkan secara langsung menerusi facebook MPI menggunakan teknologi *fblive*.

6. Media konvensional, terutamanya akhbar, berhadapan dengan semacam krisis berikutan jualan edaran edisi cetak yang menurun dan sebagai kesannya, pendapatan pengiklanan juga merosot. Seinggakan penjualan produk kewartawanan dan pendapatan daripada hasil iklan berkemungkinan suatu hari nanti tidak lagi dapat membiayai kegiatan kewartawanan seperti sebelum adanya Internet. Saya tahu ada syarikat-syarikat media yang melaporkan kerugian atau penurunan dalam keuntungan. Tetapi saya percaya, di sebalik krisis, senantiasa ada peluang jika strategi yang kita pilih untuk melangsungkan kehidupan mengena.

Hadirin sekalian,

7. Bidang kewartawanan berperanan untuk melaporkan kebenaran, bertindak sebagai jagawan yang memeriksa dan menyemak tiga cabang kuasa negara dan juga menjadi wadah untuk menghidangkan maklumat yang pelbagai bagi membantu masyarakat membuat keputusan dalam kehidupan mereka, ..... kekal relevan dan penting.

8. Usaha membantu masyarakat membuat keputusan terbaik dalam apa jua bidang, baik untuk diri sendiri, keluarga, dalam bisnes, pentadbiran dan politik, perlu digiatkan dan ditambah baik oleh para wartawan dan organisasi media.

9. Malah saya berpendapat sewaktu kita berada pada era *post-truth* atau pascakebenaran sekarang ini, peranan media dan kewartawanan yang bertanggungjawab dan beretika adalah sangat instrumental dalam membangunkan masyarakat yang bermaklumat atau apa yang dipanggil sebagai *informed society* sebagai mana yang kita cita-citakan dalam *blueprint* Dasar Komunikasi Negara yang sedang digubal oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

10. Saya katakan ini kerana dalam era pascakebenaran, kehadiran berita-berita palsu (*fake news*), terutamanya dalam pelbagai platform media sosial yang besar pengikutnya itu, sudah menjadi lumrah. Apa yang lebih menyedihkan, khalayak yang terdedah kepada berita-berita palsu yang tidak bersandarkan kepada fakta itu, menerima secara bulat-bulat apa yang disogokkan kepada mereka. Mereka tidak dapat membezakan antara intan dan kaca. Emosi khalayak menewaskan kewarasan mereka. Kita tahu kesahihan maklumat yang disebar melalui media sosial boleh diragui. Kita tahu blog, *facebook* dan laman portal media sosial tidak semestinya terikat dengan etika "*conventional media*".

11. Jika tidak dibendung dan dikawal, fenomena berita palsu akan mengancam keselamatan negara daripada pelbagai sudut. Berita palsu juga akan melahirkan sejarah palsu. Kita tidak dapat membezakan antara yang benar dan batil. Walhal hakikatnya fakta adalah fakta. Tidak wujud apa yang dipanggil fakta alternatif (*alternative facts*). Fakta alternatif adalah nama lain kepada pembohongan yang cuba dipertahankan oleh kalangan yang ingin memesongkan atau memalsukan fakta. Media mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan kepada umum apa itu fakta dan sebaran fitnah. "*There is no substitute for accurate factual reporting*".

12. Kerajaan memandang serius kewujudan berleluasa berita palsu ini. Sebab itu baru-baru ini kerajaan, melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia, mewujudkan laman web *sebenarnya.my* yang boleh diakses oleh warga untuk menentusahkan (*verification*) sama ada sesuatu berita yang ditularkan palsu atau sebaliknya.

Hadirin sekalian,

13. Tetapi tentulah usaha kerajaan hanya berkesan sekiranya organisasi media bekerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang sahih dan berguna menerusi pelbagai platform yang ada, baik di alam nyata atau alam maya, yang boleh mengupayakan individu membuat keputusan-keputusan yang bijaksana mengenai kehidupan ekonomi, sosial dan politik mereka.

14. Dalam konteks itulah saya kira peranan para wartawan yang berpegang kepada prinsip verifikasi dan beretika dalam pelaporan masing-masing, akan menjadi lebih penting. Mereka tidak harus bersikap gopoh atau terburu, tidak menghirau kesahihan fakta dalam membuat laporan kerana mahu "*to be the first out with the news*" dalam zaman digital ini.

15. Apatah lagi kita tahu ada pihak di dalam dan luar negara yang sengaja memburukkan imej negara dengan membuat kenyataan yang tidak tepat dan benar tentang keadaan ekonomi dan kestabilan politik negara. Para wartawan profesional hendaklah berada di barisan hadapan dalam memerangi berita palsu dan pelbagai pembohongan.

16. Selain itu, dalam perjalanan kita untuk menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50), saya berharap komuniti wartawan bukan sekadar menjadi pemerhati pasif, tetapi penyumbang proaktif dalam merealisasikan TN50.

Hadirin sekalian,

17. Di Malaysia, fungsi media sebagai platform untuk *agenda-setting* nasional adalah amat mustahak, lebih-lebih lagi kita wujud bersama dalam sebuah negara yang berbagai budaya, kaum dan agama. Amat benar bahawa kepentingan perniagaan merupakan suatu prioriti dan aspek yang penting, tetapi kita tidak boleh mengetepikan peranan media untuk bersama-sama kerajaan dan komuniti mencipta keharmonian, kemakmuran dan keamanan.

18. Saya percaya sebagai sebuah negara yang berjaya, kewujudan media yang bebas tetapi bertanggungjawab, adalah satu prasyarat penting. Bantulah kerajaan dalam menjayakan tanggungjawab kepada negara. Era Kerajaan tahu segala-galanya, seperti yang sering saya nyatakan, sudah lama berlalu.

19. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada para penerima Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI PETRONAS 2016 yang akan diumumkan sebentar lagi.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.